

# SAWIT

MPOB MENJANA PERUBAHAN INDUSTRI SAWIT

Terbit pada Sabtu minggu pertama setiap bulan



**Mekanisasi ladang tingkat produktiviti sawit**

▶ MUKA 3

**MPOB didik warga sekolah kebaikan sawit**

▶ MUKA 8



Mesyuarat dua hala delegasi Malaysia diketuai Teresa dengan Majlis Kesatuan Eropah.

## Malaysia, EU perkukuh dagangan sawit

➔ Misi buktikan kesungguhan negara pastikan produk sawit dihasilkan secara mampan

Oleh Dr Puah Chiew Wei  
cwpuah@mpob.gov.my

Brussels, Belgium

**M**enteri Industri Utama (MPI), Teresa Kok mengetuai Misi Ekonomi dan Promosi Sawit ke Switzerland, Sepanyol dan Belgium dari 28 September sehingga 6 Oktober 2018.

Ketika di Brussels, delegasi Malaysia mengadakan mesyuarat dua hala dengan wakil Kesatuan Eropah (EU), termasuk Suruhanjaya Eropah dan Majlis Kesatuan Eropah iaitu institusi EU yang terbabit dalam pembuatan dasar dan perundangan.

Misi bertujuan memberi penerangan mengenai pembangunan

mampan industri sawit negara dan menekankan usaha yang dilaksanakan oleh Malaysia dalam memelihara alam sekitar, termasuk hutan hujan tropika serta biodiversiti.

Skim Persijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) yang dilaksanakan secara mandatori juga diberi fokus sebagai salah satu langkah industri sawit negara dalam mencapai pembangunan mampan.

Misi turut disertai Ketua Pengarah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Datuk Dr Ahmad Kushairi Din, Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC), Datuk Dr Kalyana Sundram, Setiausaha Bahagian Kemajuan Industri Sawit dan Sagu, Kementerian Industri Utama (MPI), Dr Sugumari Shanmugam dan Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Pensijilan Minyak Sawit Malaysia (MPOC), Dr Sanath Kumaran.

Delegasi Malaysia turut mengadakan pertemuan dua hala dengan Pesuruhjaya Alam Sekitar, Maritim dan Perikanan, EU, Karmenu Vella.

Pendekatan yang diambil oleh industri sawit negara untuk meningkatkan produktiviti tanaman sawit tanpa perlu membuka kawasan baharu memandangkan kekangan tanah yang sesuai untuk tanaman

sawit juga dibincangkan.

Semua penggiat industri sawit, termasuk lebih 650,000 pekebun kecil sawit akan mematuhi piawaian kemampanan MSPO menjelang 31 Disember 2019.

Karmenu mengakui, kepentingan industri sawit dan menghargai komitmen Malaysia dalam pembangunan industri sawit yang mampan serta usaha mengekalkan sekurangnya 50% kawasan di bawah litupan hutan.

Pihak Suruhanjaya Eropah bersedia bekerjasama dan memberi sokongan kepada pengeluaran minyak sawit dalam usaha mengurangkan penyahhutan hutan hujan tropika.

Di samping itu, bidang baharu untuk kerjasama dua hala juga diterokai termasuk pemindahan teknologi terkini dalam pengurangan sisa dan pengitaran semula.

Teresa turut mengadakan mesyuarat dengan Ketua Pengarah, Alam Sekitar, Pendidikan, Pengangkutan dan Tenaga, Majlis Kesatuan Eropah, Dr Pietras Jaroslaw.

Majlis Kesatuan Eropah terdiri daripada 28 negara anggota EU dan adalah satu daripada tiga institusi penggubalan undang-undang di EU.

Institusi penggubalan undang-undang di EU adalah rumit memandangkan 28 negara anggota dalam

Majlis Kesatuan Eropah mempunyai kepentingan masing-masing menyebabkan tiada hala tuju yang jelas.

Namun, isu berkaitan perubahan iklim dan pemanasan global antara mendapat persetujuan sebulat suara negara anggota dan biobahan api yang dikaitkan sebagai penyebab utama penyahhutan adalah isu penting di EU.

Keputusan akhir rundingan tiga hala (trialogue) yang dicapai di antara Parlimen Eropah, Majlis Kesatuan Eropah dan Suruhanjaya Eropah pada Jun 2018, berpihak kepada industri sawit dan membolehkan bio bahan api berasaskan minyak sawit terus digunakan untuk pengiraan ke arah sasaran tenaga boleh diperbaharui sehingga 2030 seperti biobahan api berasaskan minyak sayuran yang lain. Kemasukan biobahan api berasaskan minyak sawit ke EU tidak akan terjejas buat masa ini.

### Sebar fakta tepat

Dr Pietras berkongsi kebimbangan Malaysia mengenai kempen anti minyak sawit yang dilancarkan oleh Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) di rantau Eropah yang meneghirlukan pengguna.

Beliau mencadangkan supaya

Malaysia meneruskan usaha untuk menyebarkan fakta tepat dan maklumat terkini mengenai usaha negara dalam menangani isu penyahhutan serta memastikan kemampanan industri sawit bagi meningkatkan lagi keyakinan kepada penggubal dasar di EU.

Malaysia juga digesa menggunakan sepenuhnya platform yang ada untuk membangkitkan isu industri sawit.

Pihak Majlis Kesatuan Eropah juga sedia mengadakan dialog membina dengan Malaysia dalam menghadapi cabaran ini.

Delegasi Malaysia turut mengadakan mesyuarat dua hala dengan European External Action Service (EEAS) yang diketuai oleh Pengarah Urusan Asia dan Pasifik, Gunnar Wiegand.

Teresa membangkitkan isu Indirect Land Use Change (ILUC) yang akan menyekat perdagangan minyak sawit sebagai biobahan api secara berperingkat.

EEAS menekankan tiada keputusan untuk menyekat perdagangan biobahan api berasaskan minyak sawit di EU tetapi bergantung kepada sejauh manakah penggunaannya boleh diambil kira untuk sasaran tenaga boleh diperbaharui EU.

Prekursor sektor komoditi sawit khususnya kejatuhan harga di pasaran, menimbulkan keresahan di kalangan pengusaha ladang dan pekebun kecil yang terjejas pendapatan.

Pasaran eksport komoditi termasuk minyak sawit berdepan cabaran getir berikutan perkembangan ekonomi global membabitkan persaingan perdagangan kuasa besar dunia dan persaingan dengan negara pengeluar minyak sawit dan minyak sayuran lain.

Dalam tempoh sembilan bulan lalu, harga minyak sawit mentah (MSM) menyusut daripada RM2,486.50 satu tan pada Januari ke paras RM2,177.50 satu tan pada September lalu.

Minyak sawit adalah antara 17 jenis minyak sayuran yang diperdagang di pasaran antarabangsa dan penetapan harga bergantung kepada penawaran dan permintaan yang turut dipengaruhi oleh pengeluaran kesemua minyak sayuran serta situasi ekonomi dunia yang menentukan kuasa beli negara pengguna.

### Beri kesan perdagangan minyak

Penurunan harga minyak sawit dipengaruhi beberapa faktor antaranya simpanan atau stok minyak sawit yang tinggi melebihi paras dua juta tan di pasaran tempatan.

Situasi ini turut dipengaruhi oleh harga minyak sayuran lain terutama kejatuhan harga minyak kacang soya dunia yang merupakan produk pengganti hampir kepada minyak sawit telah meningkat persaingan di pasaran.

Pada tempoh sama, penguatan nilai matawang Ringgit berbanding US Dolar memberi kesan kepada perdagangan minyak sawit Malaysia yang kurang berdaya saing berbanding negara pengeluar minyak sawit lain.

Selain penyusutan harga di pasaran, sektor komoditi sawit juga berdepan cabaran meningkatkan jumlah eksport produk sawit ke pasaran luar negara.

Usaha galakan minyak sawit dan penerokaan pasaran oleh kerajaan dan pihak industri menyumbang peningkatan eksport produk sawit Malaysia kepada 18.27 juta tan bagi tempoh Januari hingga September 2018, peningkatan sebanyak 3.6 peratus berbanding 17.63 juta tan bagi tempoh sama pada 2017.

Eksport keseluruhan produk sawit pada 2018 dijangkakan lebih tinggi berbanding 2017, kesan pengeluaran yang stabil dan harga produk sawit yang rendah di pasaran.

Persaingan dan pengaruh faktor domestik khususnya kesan ekonomi global dan bekalan minyak sayuran di pasaran antarabangsa mempengaruhi eksport produk sawit

Malaysia ke destinasi utama seperti India, Negara Kesatuan Eropah, China dan Pakistan bagi tempoh sembilan bulan lalu.

### Pertingkat perluasan pasaran eksport

Penetapan kadar cukai import yang tinggi menyebabkan harga produk sawit tidak kompetitif di India dan mempengaruhi kemasukan produk sawit ke pasaran negara berkenaan.

Pengenaan cukai import yang tinggi oleh Kerajaan India ke atas minyak sawit mentah sebanyak 48.4 peratus dan minyak sawit diproses sebanyak 59.4 peratus bertujuan melindungi industri minyak sayuran tempatan.

Kementerian Industri Utama bersama agensi di bawahnya, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) terus meningkatkan usaha bagi memperluaskan pasaran eksport minyak sawit berkualiti dan mematuhi standard yang ditetapkan oleh negara pengimport.

Dalam usaha memperkukuh pasaran minyak sawit Malaysia, misi lawatan bagi mempromosi keistimewaan produk sawit dan komitmen pembangunan industri sawit mampan ke negara-negara Eropah seperti Belgium, Switzerland dan Sepanyol serta pasaran tradisi di China.

### Memastikan kerjasama terus berkembang

Menteri Industri Utama, Teresa Kok dan delegasi Malaysia dalam pertemuan dengan komuniti antarabangsa menjelaskan mengenai pelaksanaan industri sawit mampan serta komitmen Malaysia mengurangkan pelepasan gas rumah hijau, pemuliharaan hutan dan mengekalkan habitat fauna dan flora selaras matlamat United Nations Sustainable Development Goals (SDGs).

Selain itu, usaha dipertingkatkan bagi jalinan kerjasama strategik antara pihak industri dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di luar negara.

Kerjasama strategik yang dirangka akan menentukan hala tuju bersama dalam memastikan perdagangan produk sawit terus berkembang serta diterima oleh sektor makanan dan bukan makanan di negara-negara pengguna.

kushairi@mpob.gov.my



**MINDA**  
Datuk Dr Ahmad Kushairi Din

Ketua Pengarah  
MPOB

# Malaysia perjelas pelaksanaan sawit mampan di Eropah

Jalin kerjasama strategik industri, NGO

Oleh Dr Puah Chiew Wei  
cwpuah@mpob.gov.my

Madrid, Sepanyol

Malaysia komited melaksanakan pembangunan mampan industri sawit Malaysia bagi mengurangkan pelepasan gas rumah hijau serta memelihara hutan hujan tropika.

Menteri Industri Utama, Teresa Kok berkata, inisiatif ke arah pembangunan mampan industri sawit negara termasuk pelaksanaan Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO), langkah untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau (greenhouse gas - GHG) dalam rangkaian penghasilan minyak sawit serta usaha-usaha dalam memelihara hutan hujan tropika.

"Kepentingan industri sawit dalam mencapai matlamat United Nations Sustainable Development Goals (SDGs) juga diberi fokus dan kerjasama strategik antara pihak industri dan NGO dengan Malaysia.

"Pegiat industri minyak di Eropah menyokong kepentingan pembangunan industri sawit yang mampan dan mengakui bekalan minyak sawit mampan adalah melebihi permintaan terutamanya di rantau Eropah," katanya ketika menyampaikan ucapatama di European Palm Oil Conference 2018 di Madrid, Sepanyol.

Dalam aspek kemampanan pula, syarikat perladangan Malaysia adalah syarikat pertama yang mendapat pensijilan kemampanan antarabangsa Roundtable on Sustainable Palm Oil (RSPO) pada Ogos 2008 secara sukarela yang menunjukkan komitmen syarikat Malaysia ke arah pembangunan mampan.

Keseimbangan pembangunan sosio-ekonomi negara dengan pemuliharaan alam sekitar juga diberi fokus di mana Malaysia berjaya mengekalkan sekurang-kurangnya 50% kawasan di bawah liputan hutan.

Teresa turut mengadakan pertemuan dengan ahli Perikatan Minyak Sawit Sepanyol (Spanish Alliance of Palm Oil) dan Persatuan Biodiesel Sepanyol (Spanish Biodies-



Teresa ketika menyampaikan ucapatama di European Palm Oil Conference 2018 di Madrid, Sepanyol.

el Association) bagi mendapatkan perkembangan terkini mengenai penggunaan minyak sawit bagi menangani cabaran yang dihadapi industri sawit di negara itu.

Pihak industri Sepanyol menyeru Malaysia membuktikan minyak sawit mempunyai risiko Indirect Land Use Change (ILUC) yang rendah dalam Renewable Energy Directive.

### Biobahan penyebab risiko

Pihak EU dalam rundingan tiga hala memutuskan supaya biobahan api dikategorikan sebagai biobahan dengan risiko ILUC yang tinggi atau rendah.

ILUC bermaksud apabila minyak sayuran seperti minyak sawit, minyak soya dan lain-lain yang pada dasarnya adalah makanan digunakan untuk penghasilan biobahan api dan boleh menyebabkan risiko berlakunya kekurangan bekalan sebagai sumber makanan.

Justeru, pembukaan tanah baharu untuk menghasilkan lebih banyak minyak sayuran untuk tujuan makanan adalah dikategorikan sebagai tanaman yang menyumbang kepada risiko ILUC yang tinggi.

Sementara itu di Switzerland, Teresa turut menegaskan mengenai kemampanan industri sawit negara, semasa sesi Dialog Meja Bulat Industri Sawit Malaysia (Malaysian Palm Oil Roundtable Dialogue) dengan pemain industri minyak tempatan dan badan bukan kerajaan.

Sesi dialog diadakan sempena Misi Ekonomi dan Promosi Sawit ke Switzerland, Sepanyol dan Bel-

gium dari 28 September sehingga 6 Oktober lalu.

Pada mesyuarat dua hala dengan Ketua jabatan Persekutuan Perhubungan Ekonomi, Pendidikan dan Penyelidikan Switzerland, Johann Schneider-Ammann, ia dimanfaatkan bagi membantah cadangan Parlimen Switzerland untuk menyekat penggunaan minyak sawit.

Delegasi Malaysia dimaklumkan, cadangan tersebut adalah hasil bantahan pengeluaran minyak sesawi tempatan. Bagaimanapun, pengeluaran minyak sesawi tempatan tidak dapat memenuhi permintaan tempatan.

Malaysia menjelaskan, pengimportan minyak sawit adalah satu penyelesaian yang baik memandangkan khasiat dan versatiliti minyak sawit di samping harganya yang kompetitif.

Di Switzerland, delegasi Malaysia turut mengadakan perbincangan dengan Pengarah Bahagian Perdagangan dan Alam Sekitar, Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), Lim Aik Hoe bagi memastikan perdagangan produk sawit tidak terjejas akibat pelaksanaan perundangan baharu terutamanya di EU.

Teresa turut mengadakan perjumpaan dengan Duta Besar negara-negara pengeluar minyak sawit lain ke WTO bertujuan membincangkan bidang kerjasama strategik yang boleh diterokai bersama dan mendapatkan hala tuju bersama dalam memastikan perdagangan sawit terus berkembang serta diterima oleh sektor makanan dan bukan makanan.

# Guna teknologi moden tingkat produktiviti sawit

➔ Usaha meningkatkan produktiviti sawit bagi menangani kemusnahan alam sekitar

Oleh Noor Asmawati  
Abdul Samad  
watie@mpob.gov.my

Ayer Keroh

Kerajaan menumpukan kepada penggunaan teknologi moden dalam usaha meningkatkan produktiviti sawit bagi menangani kebimbangan berkaitan pemusnahan alam sekitar, biodiversiti dan habitat hidupan liar yang sering disuarakan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Barat. Timbalan Menteri Industri Utama, Datuk Seri Shamsul Iskandar Mohd Akin berkata, usaha meningkatkan produktiviti sawit menggunakan teknologi baharu dan pendekatan mampan giat dilaksanakan pihak industri yang terbabit dengan pengeluaran sawit. "Jika kita boleh bekerjasama dengan cara yang lebih bersepadu

dengan menggunakan teknologi yang tepat dan mematuhi amalan pertanian yang baik, pengeluaran hasil minyak semasa sebanyak empat tan sehektar dapat ditingkatkan lagi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dan merasmikan seminar Labour And Mechanisation in Plantation (LAMP) 2018, anjuran Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) di sini baru-baru ini.

Pada majlis itu, Shamsul Iskandar mewakili Menteri Industri Utama, Teresa Kok.

## Guna teknologi terkini


Dalam pada itu, beliau menggesa mana-mana pihak, khususnya mempunyai kepakaran teknologi untuk bekerjasama dalam meningkatkan produktiviti hasil ladang sawit serta industri komoditi lain.

Katanya, kerajaan juga bercadang mengguna pakai sumber digital berteraskan teknologi terkini dalam usaha meningkatkan produktiviti industri berasaskan perladangan negara.

"Pengurusan pendigitalan itu, termasuk beralih kepada penggunaan teknologi seperti robotik dan imbasan.

"Ia selari dengan hasrat kerajaan untuk memberi tumpuan kepada pelaburan bagi sumber manusia dan bukannya menggunakan sumber pekerja yang ramai.

"Sebaliknya, pada masa depan tumpuan lebih terarah kepada



Shamsul ketika melancarkan buku 'Accelerating Oil Palm Mechanisation in Malaysia: Innovations and Adaptions' di Ayer Keroh, Melaka.

penggunaan sumber tenaga kerja berkemahiran yang dapat menggunakan peralatan berteknologi tinggi," katanya.

Katanya, kerajaan dalam usaha mewujudkan era baru, lebih dinamik dan mampan serta menumpukan pada peningkatan produktiviti sawit, bukannya memperluaskan tanah.

"Perlindungan hutan adalah keutamaan kerajaan dan akan memenuhi komitmen Malaysia untuk mengekalkan 50 peratus tanah sebagai kawasan hutan yang terpelihara.

"Inisiatif Malaysia melaksanakan pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) dan menjadikannya mandatori pada 31 Disember 2019 adalah cara menaikkan pencapaian industri minyak sawit Malaysia bukan sahaja dalam kemampan tetapi juga dalam meningkatkan pengeluaran," katanya.

Dalam pada itu, Shamsul berkata, kementeriannya juga mem-



Kecenderungan kementerian adalah untuk memastikan petani pada masa depan mempunyai elemen (kemahiran) keusahawanan. Ia secara tidak langsung membantu petani dalam industri komoditi kekal bertahan"

Shamsul Iskandar Mohd Akin,  
Timbalan Menteri Industri Utama

fokuskan usaha menjadikan petani di seluruh negara berkemahiran dalam bidang keusahawanan.

"Kecenderungan kementerian adalah untuk memastikan petani pada masa depan mempunyai elemen (kemahiran) keusahawanan.

"Ia secara tidak langsung dapat membantu petani dalam industri komoditi kekal bertahan walaupun pasarannya mungkin terjejas atau jatuh pada paras rendah," katanya.

Pada majlis sama, Shamsul turut melancarkan penerbitan terkini MPOB berjudul Accelerating Oil Palm Mechanisation in Malaysia: Innovations and Adaptions.

Penerbitan itu mengisahkan sejarah dan inovasi semasa mekanisasi perladangan sawit oleh MPOB dan pihak industri.

Pelbagai teknologi dihasilkan bagi mengoptimalkan operasi ladang ditonjolkan dalam buku berkenaan. Majlis turut dihadiri Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Ahmad Kushairi Din.

# Kerjasama erat Colombia, Malaysia wajar diteruskan

Oleh Fairus Hidzir  
fairus.wdc@gmail.com

**Cartagena, Colombia:** Timbalan Menteri Industri Utama, Datuk Seri Shamsul Iskandar mengadakan pertemuan dengan Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar Colombia, Andres Valencia Pinzon bagi membincangkan kerjasama industri sawit antara kedua negara ketika lawatan kerja ke negara itu, baru-baru ini.

Shamsul berada di Colombia bagi menghadiri Persidangan Antarabangsa Minyak Sawit ke-19 industri sawit Colombia pada 26 hingga 28 September lalu di Cartagena, Colombia.

Misi lawatan itu berjaya merapatkan kerjasama dan komitmen Colombia iaitu pengeluar minyak

sawit keempat terbesar dunia bagi menangani isu berkaitan kempen anti minyak sawit.

Colombia turut berminat meneruskan kerjasama dengan Malaysia dalam hal berkaitan kawalan penyakit tanaman sawit serta pembiakan baka sawit.

Kerjasama ini penting bagi mempersiap diri menghadapi sebarang penyakit tanaman sawit yang boleh memudaratkan industri sawit Malaysia.

Contohnya, penyakit 'bud root' yang menyerang tanaman sawit di Colombia, memusnahkan ribuan hektar ladang sawit di negara berkenaan.

## Dapat manfaat

Kerjasama Malaysia dan Colombia wujud sejak perjanjian antara MPOB dengan National Federation



Perbincangan antara Shamsul dan Andres Valencia ketika pertemuan di Colombia.

of Oil Palm Growers of Colombia (Fedepalma) dan memorandum persefahaman dengan Colombian Centre of Oil Palm Research (Ceni-palma) sebelum ini.

Selain itu, hubungan dan persepsi baik terhadap industri sawit Malaysia menyebabkan industri sawit Colombia memilih untuk mendapatkan teknologi dan perkhidmatan Malaysia berbanding pembekal dari negara lain.

Syarikat Malaysia mendapat manfaat dari peluang pasaran di Colombia.

Shamsul turut menyeru Colombia dan Malaysia menerima pakai, menyelaras dan mengiktiraf persijilan mampan keluaran negara masing-masing seperti Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) atau sijil mampan Colombia.

# Sayangi Komoditi medan latihan, kerjaya pelajar

➔ Program beri tumpuan pembangunan dan perkasa modal insan sektor komuniti

Oleh Mohd Solah Deraman,  
Nur Dalilah Termizi  
solah@mpob.gov.my,  
dalilah@mpob.gov.my

▀ Lahad Datu

Kementerian Industri Utama (MPI) melalui Institut Perladangan dan Komoditi (IMPAC) memberi tumpuan terhadap usaha dalam membangun dan memperkasakan pembangunan modal insan, terutamanya bagi meningkatkan bilangan tenaga kerja mahir serta separa mahir.

Keperluan tenaga kerja tempatan yang berpengetahuan dan berkemahiran amat diperlukan di sektor perladangan bagi meningkatkan produktiviti dan meneruskan kelangsungan prestasi pendapatan eksport komoditi negara.

Bagi merealisasikan pembangunan modal insan itu, IMPAC mengambil inisiatif mengadakan



Melalui peluang yang ditawarkan, belia dapat memanfaatkan pengalaman dan kemahiran untuk peningkatan kerjaya, secara tidak langsung membuka peluang masa depan lebih baik”

**Shamsul Iskandar Mohd Akin,**  
Timbalan Menteri  
Industri Utama



Shamsul merasmikan program Sayangi Komoditi di SMK Silabukan, Lahad Datu, Sabah.

program Sayangi Komoditi untuk tiga zon di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Program dengan kerjasama Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan Pejabat Pendidikan Daerah, Kementerian Pendidikan itu bertujuan menghebahkan latihan serta keperluan guna tenaga dengan tumpuan pelajar sekolah menengah yang berminat mengikuti latihan kemahiran di sektor perladangan dan komoditi negara.

## Penyumbang terbesar eksport bersih negara

Program bagi zon Sabah diadakan di Sekolah Menengah Kebangsaan Silabukan Lahad Datu, dirasmikan Timbalan Menteri Industri Utama, Datuk Seri Shamsul Iskandar Mohd Akin, di sini, baru-baru ini.

Program membolehkan penyertaan 1,000 pelajar daripada 10 sekolah dan pusat latihan kemahiran sekitar daerah Lahad Datu iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan

(SMK) Silabukan sebagai tuan rumah, manakala sekolah lain adalah SMK Segama, SMK Tungku, SMK Terusan, SMK Desa Kencana, SMK Sepagaya, SMK Sains Lahad Datu, SM St Dominic, SMK Agaseh dan Kolej Vokasional Lahad Datu.

Shamsul berkata, sektor komoditi adalah salah satu penyumbang terbesar jumlah eksport bersih negara.

Katanya, pada 2017, eksport produk berasaskan komoditi berjumlah RM140.3 bilion atau 15% daripada keseluruhan pendapatan eksport negara yang mana 55% daripada jumlah ini iaitu RM77.8 bilion disumbangkan oleh sektor sawit.

“Bagi tempoh Januari hingga Ogos 2018, sektor komoditi mencatatkan nilai eksport berjumlah RM84.9 bilion, iaitu penurunan sebanyak 9.2% berbanding RM93.4 bilion bagi tempoh yang sama tahun lalu,” katanya.

Beliau berkata, program ini membantu kerajaan memberi tumpuan terhadap pembangunan dan

memperkasakan pembangunan modal insan, bermula di peringkat sekolah supaya belia dapat merancang hala tuju serta kerjaya untuk masa depan dalam sektor komoditi, sama ada di perladangan, penyelidikan dan sebagainya.

Program sehari ini turut membolehkan pameran yang disertai agensi di bawah MPI, JPK, Kementerian Pendidikan dan juga pameran komuniti setempat.

Shamsul turut menggesa belia tempatan merebut peluang dan menyertai kursus yang dianjurkan IMPAC untuk mendapatkan latihan dalam bidang kemahiran tertentu yang ditawarkan.

“Pelbagai peluang disediakan dalam membantu belia melalui skim yang dilaksanakan oleh kerajaan dalam mengiktiraf pekerja mahir dan separa mahir. Melalui peluang yang ditawarkan, belia dapat memanfaatkan pengalaman dan kemahiran untuk peningkatan kerjaya, secara tidak langsung membuka peluang masa depan lebih baik,” katanya.



Dr Ahmad Parveez ketika membentangkan kertas kerja di MTECS Karachi, Pakistan.

## MPOB kongsi keistimewaan sawit dengan industri makanan Pakistan

Oleh Johari Minal  
johari@mpob.gov.my

**Karachi, Pakistan:** Seminar Teknikal MPOB (MTecS) anjuran Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dengan kerjasama Pakistan Food Association, Pakistan Biscuit and Confectioneries' Association, Pakistan Vanaspati Manufacturers' Association dan disokong Pakistan Standard and Quality Control Authority dan Sindh Food Authority mendapat sambutan baik penggiat industri makanan negara Pakistan.

Seminar julung kali diadakan khusus untuk industri makanan kerana sektor ini adalah pengguna utama minyak sawit di Pakistan. Keistimewaan minyak sawit dalam pelbagai aspek perlu dikongsi dengan penggiat industri terbabit.

Seminar teknikal yang dihadiri lebih 180 peserta itu berjaya mem-

promosikan minyak sawit sebagai pengganti lemak trans dan penggunaannya adalah sangat sihat.

Seminar dirasmikan Konsul Jeneral Malaysia di Pakistan, Khairul Nazran Abdul Rahman.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan) MPOB, Dr. Ahmad Parveez Ghulam Kadir.

### Kepentingan minyak sawit

Ketika pembentangan, Dr. Ahmad Parveez menekankan kepentingan minyak sawit sebagai sumber makanan serta kesejahteraan penduduk dunia.

“Sekiranya minyak soya digunakan untuk menggantikan minyak sawit, tanah pertanian sepuluh kali ganda lebih luas diperlukan, iaitu 180 juta hektar berbanding hanya 18 juta hektar tanaman sawit. Ini akan mempercepatkan kemusnahan alam sekitar kerana pengelu-

aran yang tidak mampan,” katanya.

Katanya, penghasilan minyak sawit Malaysia mementingkan kualiti di setiap peringkat pengeluaran dengan setiap aktiviti dikenakan lesen oleh MPOB.

Di samping itu, Malaysia akan melaksanakan sepenuhnya pengeluaran minyak sawit mampan mulai 2019. Ke arah merealisasikan hasrat itu, Malaysia akan melaksanakan pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia secara mandatori sepenuhnya mulai 31 Disember 2019.

MPOB turut mengundang penggiat industri minyak dan lemak Pakistan menyertai seminar berkenaan.

Antaranya Pengarah Urusan Mapal Edible Oils, Rasheed Jan Mohammed; Presiden Persatuan Makanan Pakistan, Rafiq Rangoonwala; dan Pengarah Komunikasi dan Operasi Media Sindh Food Authority Pakistan, Abrar Sheikh.

# Mega Jutamas, PPK Sri Medan menang Anugerah Industri Sawit



Shamsul menyampaikan Anugerah Industri Sawit kepada Che Zamri.

➔ Anugerah iktiraf sumbangan sektor tapak semaian dan peniaga buah

Oleh Noor Asmawati Abd Samad

watie@mpob.gov.my

✦ Ayer Keroh

**T**apak semaian milik Mega Jutamas Sdn Bhd dan peniaga buah sawit Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Sri Medan masing-masing di Miri, Sarawak dan Batu Pahat, Johor menerima pengiktirafan sebagai tapak semaian sawit komersial terbaik dan peniaga buah sawit terbaik bagi Anugerah Industri Sawit 2017/2018.

Penyampaian anugerah disampaikan Timbalan Menteri Industri Utama, Datuk Seri Shamsul Iskandar Mohd Akin, sempena majlis perasmian seminar Labour and Mechanisation in Plantation (LAMP) 2018, anjuran Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), di sini baru-baru ini.

Majlis turut dihadiri Pengarah MPOB, Datuk Dr Ahmad Kushairi Din.

Mega Jutamas yang beroperasi di Miri, Sarawak berjaya meraih Anugerah Industri Sawit bagi kategori tapak semaian sawit komersial, manakala Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Sri Medan meraih anugerah bagi kategori peniaga buah sawit terbaik.

Pengurus Mega Jutamas, Joseph Ng, berkata tapak semaian yang diusahakan bertujuan membekal anak benih sawit terutamanya kepada pekebun kecil sawit di negeri Sarawak.

Katanya, syarikat itu antara pembekal terawal bagi skim tanam semula dan tanam baru sawit pekebun kecil sawit di Sarawak.

“Sebagai pembekal bagi skim bantuan berkenaan, syarikat komi-



Sebagai pembekal bagi skim bantuan syarikat komited memberi kerjasama kepada MPOB dan pekebun kecil yang menyertai skim berkenaan”

Joseph Ng, Pengurus Mega Jutamas

ted memberi kerjasama kepada MPOB dan pekebun kecil yang menyertai skim berkenaan,” katanya.

**Laksana skim**

Mega Jutamas turut memberikan sumbangan yang signifikan kepada kelancaran dan kejayaan pelaksanaan skim tanam baru dan tanam semula sawit.

Sementara itu, Pengurus PPK Sri Medan, Che Zamri A. Rahman, berkata operasi PPK Sri Medan sebagai peniaga buah sawit bermula sejak 1982 dan mempunyai pembekal terdiri pekebun kecil sawit berjumlah lebih 1,300 orang.

“Selain urus niaga buah tandan segar, PPK Sri Medan turut menyediakan pelbagai perkhidmatan termasuk menjual input pertanian seperti baja dan racun, perkakas pertanian, khidmat pengangkutan buah tandan segar dan bantuan kewangan kepada ahli serta pembekal.

“Kami sentiasa menjaga kualiti buah tandan segar yang diurusniagaan dan mematuhi semua peraturan yang ditetapkan oleh MPOB,” katanya.

Anugerah Industri Sawit adalah pengiktirafan kerajaan kepada pihak industri sawit yang berjaya mencapai prestasi cemerlang dan menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan dalam pelbagai sektor seperti perladangan, pengilangan dan pemprosesan serta penapisan.

## MPOB lahir lebih 400 graduan pengurusan ladang

Oleh Siti Nurhajar Mariam Wan Jaafar

nurhajar@mpob.gov.my

**Bangi:** Seramai 438 peserta dari 16 negara, berjaya menjadi graduan Diploma Intensif Pengurusan Ladang Sawit dan Teknologi (IDOPMT) anjuran Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) sejak pertama kali diperkenalkan pada 1999 sehingga kini.

Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Ahmad Kushairi Din, berkata kursus intensif ini menawarkan pembelajaran secara eksklusif berkaitan industri sawit meliputi sektor hulu hingga sektor hiliran.

Katanya, melalui IDOMPT pe-

serta dapat mempelajari teori melalui kuliah dalam bilik darjah dan latihan amali di ladang sawit dipilih.

“Dalam merealisasikan hasrat kerajaan ini, lebih 41,000 peluang pekerjaan akan dibuka di sektor sawit dengan 40 peratus daripadanya adalah kerja berkepakaran tinggi yang menjanjikan pulangan lumayan dengan purata pendapatan RM6,000 sebulan.

“Minyak sawit kekal sebagai penyumbang utama kepada pembangunan ekonomi Malaysia untuk beberapa dekad yang akan datang,” katanya.

**12 peserta tamat kursus**

Beliau berkata demikian pada



Dr Kushairi menyampaikan diploma kepada peserta berjaya menamatkan IDOPMT di Bangi.

majlis penutup IDOPMT 2018 serta penyampaian diploma kepada peserta di sini, baru-baru ini.

Seramai 12 peserta berjaya menamatkan kursus dan menerima diploma masing-masing, termasuk peserta antarabangsa dari Nigeria.

Tiga peserta cemerlang dianugerah kepujian menerima diploma dan plak iaitu Zarkarni Samsul, Abd Sammad Saleh dan Sik Yong Thai.

Sementara itu, Pengerusi IDOMPT merangkap Pengarah Biologi di MPOB, Dr Norman Kamarudin, berkata tahun ini buat julung kalinya kursus intensif dua bulan menyaksikan peserta paling ramai mendapat keputusan cemerlang berbanding tahun sebelum.

“Rata-rata peserta mempunyai pengalaman kurang tiga tahun dalam industri sawit.

“Saya percaya semua peserta dapat menimba pengetahuan dan

pengalaman baru melalui program dan kursus dirangka dalam IDOMPT,” katanya.

Tambah beliau lagi, modul pembelajaran IDOPMT sentiasa dikeskakan selaras dengan permintaan dan cabaran dihadapi industri.

IDOPMT didukung oleh mereka yang berpengalaman dalam industri daripada institusi penyelidikan dan agensi kerajaan berkaitan selain tenaga pengajar terdiri daripada pakar penyelidikan MPOB.

# Penghasilan arang teraktif daripada tempurung sawit

➔ Karbon teraktif semakin mendapat permintaan tinggi dari dalam mahu pun luar negara

Oleh Dr Nahrul Hayawin Zainul Awlin  
nahrul.hayawin@mpob.gov.my

Karbon teraktif adalah sejenis karbon mempunyai luas permukaan yang besar dan bertindak sebagai penyerap dalam pelbagai industri seperti rawatan air, pemprosesan makan, perubahan dan pelbagai industri lain. Permintaan terhadap karbon teraktif dijangka meningkat sehingga 80 peratus menjelang 2020.

Penghasilan karbon teraktif dari sumber biojisim mendapat perhatian penyelidik kebelakangan ini kerana mudah didapati, murah dan mempunyai kandungan karbon tinggi iaitu kayu bakau, buluh, tempurung kelapa, hampas padi, tempurung kelapa sawit, tandan sawit kosong dan pelbagai lagi.

Sumber biojisim boleh diperbaharui dan penghasilan arang teraktif daripada sumber ini dapat menyelesaikan isu lambakan sisa biojisim di samping menjana pendapatan tambahan kepada industri dan masyarakat.

Malaysia adalah pengeluar minyak sawit utama dunia selepas Indonesia dan menghasilkan sejumlah besar biojisim sawit.

Tandan sawit kosong, pelepah sawit, batang sawit dan tempurung sawit adalah sumber biojisim yang dihasilkan di kilang sawit.

Kebiasaannya, sebahagian tempurung sawit dan serat mesokap digunakan sebagai bahan api untuk penjana kuasa, dan selebihnya akan dibuang melalui pembakaran atau dijadikan baja.

Bagaimanapun, hasil kajian mendapati tempurung sawit boleh dijadikan produk yang bermanfaat dan bernilai tinggi iaitu karbon teraktif dan memberi faedah kepada industri sawit.

### Langkah penghasilan

Untuk penghasilan karbon teraktif, terdapat beberapa langkah dan proses yang perlu dilakukan iaitu pembakaran sumber biojisim secara tertutup dengan kehadiran sedikit oksigen (pembakaran secara konvensional) pada suhu sekitar 500-600°C bagi menghasilkan arang, dan proses pengaktifan pada arang yang terhasil dengan membakar semula pada suhu yang tinggi di antara 800-1000°C.

Proses pengaktifan dilakukan secara kimia atau fizikal untuk menghasilkan karbon teraktif dengan luas permukaan yang tinggi.

Kaedah pembakaran secara konvensional sering diguna pakai oleh industri kerana pembakaran dapat dijalankan tanpa penggunaan elektrik yang membabitkan kos rendah di samping keperluan tenaga yang kurang.

Bagaimanapun, kaedah pembakaran secara konvensional didapati tidak efektif, kerana masa pembakaran agak lama antara empat hingga tujuh hari dengan penghasilan arang rendah (15-20



Tempurung sawit yang dihasilkan sebagai arang teraktif.

peratus) dan juga kandungan karbon rendah (kurang 70 peratus).

### Bangunkan sistem lebih baik

Di samping itu, pihak terbabit juga menghadapi masalah dari segi pencemaran asap kesan daripada pembakaran arang, yang pastinya mengganggu kualiti udara alam sekitar.

Lanjutan dari kajian di atas, sistem yang lebih baik dibangunkan bersama-sama antara MPOB dan UPM.

Satu sistem baru lebih inovatif direkabentuk dan dibangunkan untuk penghasilan arang dan arang teraktif secara berterusan yang dinamakan Sistem Karbonisasi-Pengaktifan secara dua dalam satu.

Daripada penyelidikan ini, arang teraktif berjaya dihasilkan dengan luas permukaan mencapai sehingga 935 ± 36.7 m<sup>2</sup>/g dan

kandungan karbon yang tinggi melebihi 80 peratus.

Masa untuk pembakaran dan pengaktifan hanya mengambil masa tujuh jam tanpa henti berbanding sistem konvensional.

Sistem ini dilengkapi dengan dwi penebat supaya proses pembakaran lebih efisien seterusnya meningkatkan luas permukaan karbon teraktif.

Ia dilengkapi dengan sistem kawalan rawatan asap bagi memenuhi Piawaian Kualiti Udara Sekeliling Malaysia 2015 yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) Malaysia.

Proses Karbonisasi-Pengaktifan dua dalam satu ini dapat mengurangkan kos pengeluaran, tenaga dan masa tanpa menjejaskan hasil dan kualiti karbon teraktif yang dihasilkan serta mengelakkan pembabitan agen kimia.


Tempurung sawit yang di-

aktifkan digunakan sebagai bio penyerap untuk merawat sisa kumbahan kilang kelapa sawit (POME) yang dapat menurunkan Biological Oxygen Demand (BOD) dan warna masing-masing bawah paras 20 mg/L dan 100 ADMI yang memenuhi piawaian takat pelepasan akhir POME yang ditetapkan oleh JAS (Jabatan Alam Sekitar).

Oleh itu, sistem inovatif ini berpotensi untuk diguna pakai dan dikomersilkan pihak industri serta pelabur luar dan dalam negara.

Sistem inovatif yang mesra alam ini menghasilkan produk karbon teraktif yang lestari dan memacu kepada industri sawit yang lebih berdaya saing.

Untuk maklumat lanjut berkaitan teknologi ini, hubungi Dr Nahrul Hayawin Zainal melalui emel nahrul.hayawin@mpob.gov.my.



Sistem inovatif Karbonisasi-Pengaktifan dua dalam satu bagi penghasilan arang teraktif daripada tempurung sawit.

## Proses penghasilan bahan tanaman sawit melalui teknologi kultur tisu



# Teknologi kultur tisu tingkat produktiviti sawit

Oleh Dr Mohd Naquiddin Husri dan Dr Ahmad Tarmizi Hashim  
naqi@mpob.gov.my dan mizi@mpob.gov.my

Secara tradisinya, sawit dibiakkan melalui biji benih. Biji benih yang digunakan untuk tanaman komersial di ladang sawit di Malaysia adalah dari jenis tenera yang terdiri kacukan dura dan pisifera (Tenera juga dirujuk sebagai kacukan piawai DxP).

Meskipun terdapat kemajuan menggalakkan hasil penyelidikan biak baka melalui pemilihan biji benih bermutu, namun ia mengambil masa penyelidikan yang lama sebelum bahan tanaman baharu berkualiti dapat diperkenalkan kepada umum.

Selain itu, terdapat juga banyak perbezaan atau variasi genetik antara satu pokok DxP dengan pokok DxP yang lain.

Variasi genetik ini menyebabkan ketidakseragaman hasil buah tandan segar (BTS) dan juga hasil minyak (HM).

Bagi mengatasi masalah ini, teknologi kultur tisu sawit diperkenalkan. Kultur tisu ialah kaedah pembiakan vegetatif (tampang) atau pengklonan di makmal yang melibatkan penghasilan sel perantara yang dinamakan kalus.

Sel ini boleh membiak untuk membentuk bahagian sawit seperti pucuk, daun dan akar, seterusnya berkembang membentuk anak pokok atau ramet yang dinamakan klon sawit.

Proses kultur tisu dimulakan dengan memperoleh bahagian ter-

tentu pokok seperti umbut, daun, batang, akar dan bunga.

Bahagian ini yang disampel dari ortet atau pokok sawit terpilih dinamakan eksplan.

Eksplan akan dibawa ke makmal untuk proses kultur tisu.

Proses pembiakan melalui kaedah ini banyak dilakukan ke atas pelbagai jenis tumbuhan.

### Pengklonan tanaman

Kaedah ini tidak membabitkan kacukan benih jantan dan betina, oleh itu klon yang dihasilkan adalah lebih sekata dan seragam (homogen) berbanding biji benih sawit.

Pengklonan tanaman seperti rambutan, bunga raya dan getah

adalah dengan cara cantuman di mana mata tunas daripada pokok yang terpilih dicantumkan kepada pokok penanti.

Ini mengakibatkan rasa rambutan yang seragam, bunga raya yang sama warna serta susu getah yang tinggi hasilnya.

Namun begitu, kaedah ini tidak boleh dilakukan terhadap tanaman sawit kerana tidak mempunyai mata tunas atau sulur yang boleh dibuat sebagai bahan pengklonan.

Teknologi kultur tisu sawit adalah diperlukan untuk memendekkan masa penyelidikan dan pengeluaran bahan tanaman baharu serta meminimumkan perbezaan genetik yang terhasil daripada

kaedah pembiakan konvensional.

Ini direalisasikan dengan pemilihan ortet berkualiti yang terbukti menunjukkan hasil BTS dan HM yang tinggi untuk dijadikan sampel dan dibawa ke makmal.

### Hasilkan bahan penanaman bermutu tinggi

Secara umumnya, teknologi kultur tisu dapat menghasilkan klon sawit yang memberikan hasil yang tinggi.

Sebagai contoh, purata hasil BTS daripada 10 klon MPOB Keratong menunjukkan peningkatan 21 peratus berbanding kacukan piawai DxP.

Selain itu juga, purata HM bagi 10 klon juga merekodkan 18 peratus peningkatan berbanding kacukan piawai DxP yang ditanam di kawasan yang sama.

Sebagai rumusan, teknologi kultur tisu sawit dapat menghasilkan bahan penanaman yang bermutu tinggi dengan lebih cepat, meminimumkan variasi genetik dan mempertingkatkan produktiviti sawit.

**Palm Oil Economic REVIEW & OUTLOOK (R&O) Seminar 2019**

**Palm Oil Driving Economic Sustenance**

Registration Fee RM 1000

• 17.1.2019 • LE MERIDIEN PUTRAJAYA •

MPOB MALAYSIAN PALM OIL BOARD (MPOB) Ministry of Primary Industries  
6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia  
www.mpob.gov.my

**POMREQ NATIONAL SEMINAR ON 2018 PALM OIL MILLING, REFINING, ENVIRONMENT AND QUALITY**

27 - 28 November 2018  
The Royale Chulan Hotel Kuala Lumpur

Theme: Advances in Sustainable Practices

Officiated by YB PUAN TERESA KOK Minister of Primary Industries

For enquiries, please contact :  
Registration : Nurul Aishah Musa  
Tel : 03-8769 4567/03-8769 4568  
E-mail : nurul.aishah.musa@mpob.gov.my

Exhibition : Nu'man Abd Hadi  
Tel : 03-8769 4350  
E-mail : numan@mpob.gov.my

# MPOB didik warga sekolah kebaikan sawit

➔ Anjur ceramah, sesi interaktif untuk pelajar, guru dan ibu bapa

Oleh Nur Affifah Baharim  
affifah@mpob.gov.my

► Jitra

Usaha Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai industri sawit dan kepentingannya kepada negara, menarik minat sekolah termasuk di utara tanah air.

Justeru, MPOB mengadakan program pameran dan ceramah bagi memberikan penerangan serta mendidik generasi muda mengenai khasiat minyak sawit dan kepentingan industri sawit kepada negara di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seri Mahawangsa di sini, baru-baru ini.

Seramai 500 pelajar, guru dan ibu bapa terbabit dalam program ceramah serta sesi interaktif ber-



MPOB mengadakan ceramah bagi memberikan penerangan serta mendidik generasi muda mengenai khasiat minyak sawit dan kepentingan industri sawit kepada negara di SMK Seri Mahawangsa di sini, baru-baru ini.

Guru Kesenian sekolah berkenaan, Zulkifli Hashim, berkata pelajar tidak begitu mengenali pokok sawit kerana Jitra tidak mempunyai ladang kelapa sawit.

"Kami berasa gembira kerana pelajar mendapat pendedahan mengenai industri sawit dan mula memahami isu semasa ber-

kaitan sawit," katanya.

## Program berperingkat

Selain ceramah dan sesi interaktif, pameran produk berasaskan sawit termasuk makanan dan bukan makanan turut diadakan. Kebanyakan pelajar teruja ketika mengetahui produk makanan kegemaran me-

reka mengandungi minyak sawit.

MPOB mengadakan program lawatan dan ceramah ke sekolah menengah di seluruh negara untuk bertemu golongan muda terutamanya pelajar sekolah mendapat pendedahan yang jelas dan komprehensif mengenai komoditi utama negara.

# Pegawai berkhidmat luar negara didedah maklumat sawit

Oleh Nor Asliza Semiran

norasliza@mpob.gov.my

**Kuala Lumpur:** Kempen antiminyak sawit yang melanda industri sawit negara tidak pernah melumpuhkan usaha Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dalam mendidik masyarakat mengenai kebaikan minyak sawit Malaysia.

Terkini, MPOB dengan kerjasama Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri (IDFR), Kementerian Luar Negeri berkongsi maklumat mengenai minyak sawit serta kebaikannya semasa Kursus Orientasi Pra-Penempatan Pegawai dan Pasangan di bawah Sistem Pentadbiran Kerajaan Malaysia (SPKM) di sini, baru-baru ini.

Kursus disertai 88 peserta terdiri pegawai dari kementerian dan agensi agensi kerajaan iaitu Wisma Putra, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Kementerian Pengangkutan Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Pertahanan Malaysia, Kementerian Perdagangan dan Antarabangsa, MATRADE, MIDA, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, Tourism Malaysia, Yayasan Islam Kedah dan Yayasan Sabah.

Slot yang diberi kepada MPOB digunakan sebaiknya dengan memberi penjelasan secara terperinci mengenai industri sawit negara, khasiat pemakanan minyak sawit dan kemampunan industri sawit Malaysia.

MPOB menjelaskan senario keseluruhan industri sawit Malaysia



Peserta kursus anjuran Kementerian Luar Negeri ketika mendengar ceramah mengenai minyak sawit oleh pegawai MPOB, di Kuala Lumpur.

dan sumbangannya dalam menjana pendapatan negara.

Segala tohmahan negatif mengenai keburukan minyak sawit yang sering dikaitkan dengan masalah kesihatan, diperjelaskan berdasarkan bukti-bukti saintifik.

## Kemampunan industri sawit

Peserta juga diberi penjelasan mengenai kemampunan industri sawit Malaysia dan usaha kerajaan Malaysia membantu pekebun kecil sawit melalui Skim Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) untuk menghasilkan minyak sawit mampan.

MPOB juga menerangkan pelbagai usaha dilaksana bagi memelihara dan memulihara flora dan fauna di Malaysia.

Usaha ini diperkukuhkan lagi dengan komitmen kerajaan yang akan memastikan sekurang-kurangnya 50 peratus keluasan tanah negara dikekalkan sebagai kawa-

san hutan dan dilitupi pokok-pokok sepertimana komitmen yang dinyatakan semasa sidang Kemuncak Bumi di Rio De Janeiro, Brazil pada 1992.

Peserta kursus yang ditemui berpedapat, maklumat sebegini perlu diperluaskan bagi memastikan masyarakat mendapat maklumat yang tepat dan seterusnya memperbetulkan pelbagai persepsi negatif mengenai minyak sawit.

Sementara itu, MPOB turut menyertai Forum Tri. E Fest anjuran Sime Darby Plantation Berhad, sebagai usaha menyebarkan kebaikan tokotrienol sawit.

MPOB mempamerkan pelbagai kegunaan minyak sawit dalam produk makanan dan bukan makanan.

Peserta Forum Tri. E Fest 2018 tidak melepaskan peluang berinteraksi dengan pegawai MPOB bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai tokotrienol sawit.

INTERNATIONAL PALM OIL  
**PIPOC 2019**  
CONGRESS AND EXHIBITION

MPOB

MPOB INTERNATIONAL PALM OIL CONGRESS AND EXHIBITION (PIPOC) 2019

Theme:  
**BALANCING SUSTAINABILITY PILLARS**

**19-21**  
NOVEMBER  
2019

Kuala Lumpur Convention Centre,  
Kuala Lumpur, Malaysia

Join this prestigious event of 2019!

Organised by:

**Malaysian Palm Oil Board (MPOB)**

6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi,  
43000 Kajang, Selangor, Malaysia

www.mpob.gov.my

Connect with us at

pipoc@mpob.gov.my

pipoc.mpob.gov.my



# Orang Asli terima sijil MSPO

➔ Pensijilan MSPO tingkat produktiviti pekebun kecil

Oleh Mohd Saufi Awang  
saufi@mpob.gov.my

## Pelabuhan Klang

Pulau Carey di Selangor bukan hanya terkenal dengan keunikan budaya masyarakat orang asli daripada suku Mahmeri tetapi juga kejayaan tanaman sawit yang diusahakan oleh syarikat perladangan dan penduduk tempatan.

Perkembangan sektor perladangan sawit dan aktiviti pengilangan oleh syarikat Sime Darby Plantation memberi sumbangan kepada kemajuan industri sawit negara dan pembangunan sosio ekonomi penduduk.

Antara penduduk orang asli di Pulau Carey yang mendapat pendedahan dalam aktiviti perladangan sawit dan seterusnya mengusahakan tanaman sawit sebagai sumber pendapatan keluarga ialah Reta A/P Lajah yang menetap di Kampung Orang Asli Sungai Judah.

Pengalaman bekerja di ladang sawit sejak tahun 1980-an memberi keyakinan kepada beliau untuk mengorak langkah mengusahakan kebun sawit seluas 1.2 hektar pada 1987.

Beliau menerima bantuan anak benih sawit yang dibekalkan oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JAKOA).

Yakin dengan potensi tana-

man sawit sebagai sumber pendapatan keluarga, beliau dan suami meningkatkan keluasan kawasan tanaman sawit kepada 5.5 hektar.

Pada 2012, beliau menanam semula pokok sawit tua dengan memohon bantuan tanam semula yang disediakan MPOB kerana menyedari kepentingan untuk meningkatkan pengeluaran hasil tanaman sawit.

## Tingkatkan pengeluaran

Di bawah pelaksanaan skim tanam semula sawit, beliau menerima bekalan anak benih sawit berkualiti, baja dan khidmat nasihat dari Pegawai TUNAS MPOB mengenai Amalan Pertanian Baik meliputi kaedah pembajaan, kawalan rumpai, serangga perosak dan penuaian buah sawit berkualiti.

Usaha gigih beliau berbakti kepada tanah dan mengusahakan kebun sawit mengikut Amalan Pertanian Baik, berjaya meningkatkan pengeluaran hasil sawit lebih sekali ganda kepada 24 tan sehektar setahun.

Keinginan tinggi untuk berjaya dalam mengusahakan tanaman sawit mendorong beliau untuk menimba ilmu pengetahuan dalam penanaman sawit dengan pembabitan secara aktif dalam aktiviti anjuran MPOB melalui penyertaan ceramah dan khidmat nasihat oleh Pegawai TUNAS.

Seiring inisiatif kerajaan melaksanakan pensijilan minyak sawit mampan, beliau mengambil langkah menyertai Kelompok Minyak Sawit Mampan (SPOC) daerah Kuala Langat, ditubuhkan oleh MPOB untuk melaksanakan Amalan Pertanian Baik bagi memperolehi pensijilan mampan MSPO. Dengan kegigihan melaksa-



Reta menunjukkan sijil MSPO yang diperolehinya.

nakan Amalan Pertanian Baik dan pematuhan prinsip dan kriteria amalan mampan, kebun yang diusahakan beliau berjaya memperolehi pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) pada 2017.

Beliau adalah antara pekebun kecil orang asli yang mengusahakan tanaman sawit secara persendirian dan berjaya memperolehi pensijilan MSPO.

## Pensijilan MSPO

Skim pensijilan MSPO digubal berdasarkan pematuhan amalan mampan sejagat berteraskan tiga tunggak utama iaitu aspek sosial, ekonomi dan penjagaan alam sekitar dalam pengeluaran minyak sawit.

Pelaksanaan pensijilan MSPO dimandatkan oleh kerajaan bermula pada 2017 meliputi semua sektor dalam industri sawit ter-

masuk pekebun kecil bertujuan memenuhi permintaan global bagi minyak sawit mampan.

Pensijilan MSPO dilaksanakan secara berperingkat melalui tiga fasa iaitu pada 31 Disember 2018 untuk premis ladang dan kilang yang mempunyai sijil RSPO dan fasa kedua pada 30 Jun 2019 bagi premis ladang dan kilang yang tidak mempunyai pensijilan RSPO. Fasa ketiga pada 31 Disember 2019 pula bagi pekebun kecil.

Bagi melaksanakan pensijilan MSPO sektor pekebun kecil, kerajaan menyediakan insentif melalui MPOB sebanyak RM130 juta yang meliputi latihan dan khidmat nasihat teknikal, kos pengauditan pensijilan, pembiayaan peralatan perlindungan diri dan pembinaan rak simpanan bahan kimia secara percuma.

# MPOB sertai kongres teknologi makanan di India

Oleh Dr Nagendran Bala Sundram  
nagen@mpob.gov.my

**Mumbai:** Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) India menyertai ekspo dan pameran bagi perkongsian maklumat berkaitan sawit sempena Kongres Sedunia Sains dan Teknologi Makanan ke-19 (IUFOST) 2018 yang berlangsung di Mumbai, India pada 24 hingga 27 Oktober 2018 lalu.

Kongres dianjurkan buat julung kalinya di India menarik lebih 2,100 penyertaan terdiri pakar sains dan teknologi makanan, ahli akademik dan penyelidik bidang teknologi makanan dari lebih 74 negara.

MPOB India mengadakan pameran bagi hebahan maklumat dengan lebih terperinci berkaitan minyak sawit dari segi penghasilan, penggunaan minyak sawit khususnya dalam industri makanan dan kelebihannya sebagai minyak goreng.

MPOB diwakili Pengurus Serantau MPOB Asia Selatan, Dr Nagendran Bala Sundram, turut menyertai sesi persidangan teknikal sebagai penceramah jemputan berkaitan kegunaan dan fungsi minyak sawit dan aspek kemampanan.

Katanya, minyak sawit mempunyai produktiviti tinggi jika dibandingkan dengan minyak sayuran lain serta dijamin selamat untuk kegunaan dunia sebagai sumber makanan.

"Produktiviti tanaman sawit di samping pelbagai kegunaan minyak sawit adalah selaras dengan tema IUFOST 2018 iaitu menyediakan 25 bilion sajian makanan dalam satu hari menjelang 2025.

"Malaysia menghasilkan hamper 20 juta tan minyak sawit setiap tahun dan masih mengekalkan kawasan liputan hutan melebihi 50% daripada keluasan tanah Malaysia," katanya.

Beliau menegaskan, skim pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) yang dilaksanakan Malaysia bagi memastikan industri sawit mampan turut diiktiraf pihak Lembaga Penganjur Sukan Olimpik dan Paralimpik Tokyo 2020 sebagai alat untuk mendapatkan minyak sawit mampan.

# COFCO Corporation China, MPOB teroka kerjasama R&D

Oleh Dr Laziana Ahmad  
laziana@mpob.gov.my

**Bangi:** COFCO Corporation China, syarikat pengimport dan pemproses makanan termasuk minyak dan lemak terbesar di China, mengadakan kunjungan hormat ke ibu pejabat Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), baru-baru ini.

Lawatan bertujuan mengukuhkan kerjasama dan sokongan pihak syarikat terhadap minyak sawit Malaysia disambut Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan), Dr Ahmad Parveez Ghulam Kadir.

Delegasi COFCO Corporation seramai lapan orang diketuai Pengurus Besarnya, Wang Fanghong, Dalam pertemuan itu, Dr Ahmad

Parveez meluahkan kegembiraan dengan kerjasama sedia ada dan akan mempergiat usaha sama antara Institut Perkhidmatan Teknikal dan Penyelidikan Minyak Sawit MPOB (PORTSIM) di Shanghai, China dengan Institut Penyelidikan Nutrisi dan Kesihatan COFCO terutamanya dalam aplikasi dan usaha menembus pasaran minyak sawit di China. Malaysia adalah sumber import minyak sawit utama bagi China. Peningkatan jumlah eksport

produk sawit ke China meningkat sebanyak 1.09 kali ganda dari 1.02 juta tan pada 2000 ke 2.95 juta tan pada 2017.

Dr Ahmad Parveez menyimpulkan MPOB akan mengeratkan kerjasama dengan kerajaan China bagi merealisasikan persetujuan antara Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dengan Perdana Menteri China, Li Keqiang berkenaan hasrat untuk meningkatkan pengambilan minyak sawit kepada 5 juta tan.

COFCO Corporation mengimport satu juta tan minyak sawit setiap tahun yang mewakili 10% import minyak dan lemak China.



Delegasi COFCO China mendengar penerangan mengenai produk makanan berasaskan sawit ketika lawatan ke Ibu Pejabat MPOB di Bangi.



# Minyak sawit Malaysia untuk dapur profesional

➔ Penerangan terperinci dalam buku Malaysian Palm Oil in Professional Kitchen



Dalam meningkatkan pengetahuan pakar masakan, pelajar seni kulineri dan pengeluar makanan mengenai kegunaan minyak sawit, satu buku kecil diterbitkan oleh Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) bertajuk Malaysian Palm Oil in Professional Kitchen.

Penerbitan buku itu bertujuan menerangkan secara terperinci kelebihan penggunaan minyak sawit dalam masakan dan menjadi bahan rujukan mengandungi infografik serta fakta menarik.

ia juga diterbitkan bagi tujuan menyokong Modul Minyak Sawit Malaysia yang dihasilkan bertujuan mendidik golongan profesional dalam bidang kulineri dan pembuatan makanan mengenai faedah dan kepelbagaian penggunaan minyak sawit.

Selain itu, ia juga memberi fakta ringkas tetapi menyeluruh berkaitan sejarah, jenis-jenis minyak yang boleh diperolehi daripada pokok sawit, pemprosesan, penyaringan, serta aspek keselamatan.

Penekanan terhadap kandungan komposisi minyak sawit yang seimbang, bebas kolesterol dan GMO, dan takat asap yang tinggi perlu kerana kebanyakan pelajar hanya didedahkan secara am mengenai topik minyak dan lemak. Pengetahuan khusus mengenai minyak sawit amatlah terhad.

Pendedahan mengenai ciri-ciri minyak sawit meningkatkan lagi pemahaman pelajar mengenai punca kegunaannya yang meluas di dalam pemprosesan makanan.

Penggunaan minyak sawit adalah satu penyelesaian bagi pengilang makanan yang mahu menghindari kehadiran lemak trans dalam makanan.

Minyak sawit yang bersifat separa pepejal membolehkan ianya

digunakan tanpa perlu melalui proses hidrogenasi (untuk tujuan pemejalan) yang merupakan penyebab kehadiran minyak trans.

Satu lagi ciri menarik minyak sawit yang dianggap penting di kalangan cef ialah sifatnya yang bebas rasa.

Ciri neutral ini membolehkan cef menyerlahkan rasa yang diinginkan dalam juadah, tanpa dipengaruhi oleh rasa minyak yang digunakan.

## Khasiat minyak sawit

Minyak sawit juga sering digunakan untuk menggoreng pada suhu tinggi kerana sifatnya yang stabil dan tidak mudah teroksidasi.

Makanan yang digoreng dengan minyak sawit nyata lebih garing dan rangup. Ini menjadikannya pilihan dalam industri penggorengan.

Khasiat Vitamin E tokoferol dan tokotrienol dalam minyak sawit pula adalah antioksidan yang berguna untuk melindungi sel-sel badan daripada kerosakan radikal bebas.

Untuk pengguna yang mahukan produk halal, minyak sawit yang berasal dari tumbuhan ini semestinya memenuhi permintaan tersebut.

Ia juga menjadi pilihan bagi mereka yang mahukan minyak bebas lemak haiwan.

Minyak sawit merah pula adalah minyak sawit yang melalui proses penyaringan yang berbeza di mana karotenoid (yang memberikan warna merah kepada minyak tersebut) dikekalkan bersama Vitamin E tokotrienol dan tokoferol.

Karotenoid, yang juga selalunya dijumpai dalam lobak merah dan tomato, akan ditukarkan kepada Vitamin A apabila berada di dalam badan dan baik untuk mengekal-



kan kesihatan mata.

Minyak ini sangat sesuai untuk digunakan sebagai bahan untuk resepi sos salad dan mayonis, atau sebagai penambah khasiat sesuatu makanan, manakala pengilang makanan menggunakannya antara lain, sebagai pewarna semulajadi dan dalam produk bakeri.

## Kelebihan tambahan

Reputasi Malaysia sebagai negara pertama yang mengeluarkan dan mengeksport minyak sawit mampan, adalah kelebihan tambahan yang menarik minat pembeli.

Selain itu, tanaman sawit menghasilkan lima hingga sembilan kali lebih banyak minyak sawit

dan minyak isirung sawit setiap hektar dalam setahun berbanding biji sesawi, bunga matahari dan soya.

Buku Malaysian Palm Oil in Professional Kitchen ini diedarkan buat pertama kalinya ketika ceramah mengenai Modul Minyak Sawit Malaysia diadakan untuk pensyarah kulineri KDU University College dan Erican College.

Ia juga diedarkan untuk beberapa program di dalam dan luar Malaysia, termasuk di Mesir, Jerman dan Pakistan.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai minyak sawit Malaysia, layari [www.mpoc.org.my](http://www.mpoc.org.my) dan [www.palmoiltv.org](http://www.palmoiltv.org).

# Persepsi negatif menjejaskan pasaran minyak sawit peringkat antarabangsa

Persepsi negatif terhadap minyak sawit Malaysia perlu dilihat dari sudut positif. Kita jangan mudah melatah apabila propaganda barat terus menerus mencari kelemahan minyak sawit tempatan.

Langkah penyelesaian yang sesuai perlu difikirkan agar industri sawit mampu bertapak dengan lebih kukuh melalui idea, inovasi, penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta peranan semua pihak yang sentiasa bekerjasama antara satu sama lain.

Umum mengetahui negara Kesatuan Eropah sengaja memburukkan reputasi sawit. Hakikatnya minyak sawit Malaysia adalah minyak sawit berkualiti tinggi yang berjaya menembusi pasaran serta penggunaannya meliputi pelbagai sektor seperti industri makanan, pembuatan kosmetik, biodiesel dan sebagainya sama ada di peringkat nasional mahupun global.

Maka tidak hairan industri sawit adalah penyumbang utama komoditi eksport negara yang mencecah RM77.8 bilion pada 2017.

Dewasa ini, tekanan hebat terhadap kualiti minyak sawit Malaysia menjadikan industri sawit negara semakin kuat dan berdaya saing. Industri sawit menjadi imun dengan persepsi negatif yang nampaknya semakin gagal untuk memberi keyakinan palsu kepada masyarakat antarabangsa mengenai keburukan sawit yang digembar-gembarkan selama ini.

Melihat kepada cabaran salah tanggapan yang kian parah, pelbagai pihak tampil berganding bahu menegakkan realiti sebenar kualiti minyak sawit Malaysia.



**PEMENANG PERTAMA KATEGORI 1 - PELAJAR SEKOLAH MENENGAH**

**Che Wan Muhammad Haziq Che Wan Sabri**  
SMA (ATAS) Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu

MPOB melalui pengemebangan tenaga bersama pemain industri sawit sama ada pekebun kecil mahupun peladang sawit berskala besar terus menggerakkan usaha, tenaga mahupun buah fikiran bagi menyemarakkan industri sawit sama ada dengan penghasilan inovasi sawit atau kempen besar-besaran.

Menjelang Disember 2019, industri sawit negara akan melestarikan industri sawit mampan secara mandatori kepada semua peladang sawit di Malaysia. Penghasilan minyak sawit mampan dijangka mampu melenyapkan tanggapan negatif Barat selama ini melalui penanaman sawit yang mesra alam.

Pelaksanaan MPSO sebagai langkah yang perlu diaplikasikan oleh pekebun sawit Malaysia adalah langkah proaktif kerajaan ke arah penjenamaan sawit yang berkualiti tinggi. Siri penjelajahan yang dilalukan oleh badan berwajib sebagai kempen juga

terus digiatkan dari semasa ke semasa.

Antaranya, MPOB mempergiatkan kempen kesedaran kemampuan minyak sawit Malaysia di Euro Fed Lipid 2018. Selain itu, Kementerian Industri Utama (MPI) juga bertungkus lumus mengadakan Misi Pelaburan Minyak Sawit ke Afrika, Mesir dan Maghribi. Tujuan utama misi ialah mempromosikan sawit sebagai minyak yang berkualiti tinggi.

Dengan cara ini, dapat mengukuhkan kedudukan serta penerimaan minyak sawit di peringkat antarabangsa. Selain itu, Malaysia berjaya mengikat negara China sebagai negara pengimport produk sawit Malaysia.

Inovasi dan R&D industri sawit juga berjaya mengatasi persepsi negatif dari terus menular. Antaranya ialah penghasilan B10 membuka mata negara luar bahawa minyak sawit juga mampu digunakan sebagai bahan bakar jentera yang mesra alam serta praktikal untuk keperluan masa depan.

Sebagai rakyat Malaysia, kita hendaklah mengambil peranan sebagai duta kecil untuk mempromosikan sawit agar setanding komoditi lain. Oleh itu, kita perlu sepakat mendokong serta menyebarkan kehebatan minyak sawit Malaysia negara ke perada antarabangsa dengan apa cara yang termampu.

Melalui dunia tanpa sempadan, maklumat yang tepat dan realistik boleh menjangkau global serta mampu melenyapkan tanggapan negatif ini agar dapat membuka mata masyarakat antarabangsa untuk terus yakin dengan kualiti minyak sawit Malaysia.

# Kempen anti minyak sawit, cabaran pasaran global gugat pasaran antarabangsa

Sektor minyak sawit dengan Malaysia bukan se suatu yang asing. Pada 2017, perolehan eksport minyak sawit Malaysia mencecah RM77.8 bilion iaitu 4.8 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia.

Unjuran ini melonjakkan industri sawit sebagai salah satu daripada tiga industri perdana yang menjana laba negara.

Namun, penggubalan Resolusi Anti Minyak Sawit oleh Jawatankuasa Alam Sekitar Parlimen Eropah (ENVI) pada 23 Oktober 2017 yang melarang biobahan api sawit memasuki Kesatuan Eropah (EU) bermula 2021, menjadi cabaran negara-negara pengeluar minyak sawit, termasuk Malaysia.

Tidak terhenti setakat itu, percubaan sesetengah Ahli Parlimen Eropah (MEP) mengenakan skim pensijilan tunggal bagi semua minyak sawit yang dieksport ke sana, jaminan tiada penyahhutanan dan perubahan penggunaan tanah tidak langsung (ILUC) serta pengiktirafan biobahan api berasaskan minyak bijian Eropah iaitu biji sesawi dan minyak bunga matahari, turut menjadi cabaran global yang menggugat pasaran antarabangsa sektor minyak sawit Malaysia.

Langkah perdana dalam menangkis cabaran tersebut ialah mengemukakan bantahan secara komprehensif. Pemain industri sawit Malaysia mengasaskan Faces of Palm Oil untuk menggerakkan debat di media mengenai sekatan tersebut.

Impaknya, 320,047 pekebun kecil Malaysia menandatangani petisyen membantah tindakan larangan biobahan api minyak sawit



**PEMENANG PERTAMA KATEGORI 2 - AWAM**

**Arif Hadri Japri**  
Kajang, Selangor

di Eropah. Kemudian, seramai 2,000 pekebun kecil dari Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Persatuan Kebangsaan Pekebun Kecil (NASH), Lembaga Penyatuan dan Pemuliharaan Tanah Sarawak (SALCRA) dan Persatuan Penanam Pokok Kelapa Sawit Sarawak (DOP-PA), menyampaikan petisyen bantahan tersebut pada 16 Januari lalu.

Bantahan yang dilaksanakan harus bersifat empirikal iaitu dengan data dan bukti yang tepat. Tindakan Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) yang melancarkan bantahan terhadap Resolusi Anti Minyak Sawit ENVI harus dicontohi.

Laporan dihasilkan MPOC iaitu *Building A Sustainable Future Together: Malaysian Palm Oil and European Consumption* cukup jitu. Bantahan empirikal sebegini harus diperbanyak agar dapat menjawab tuduhan dan serangan ENVI dan EU terhadap minyak sawit secara berasas, sekali gus memastikan persaingan kebolehpasaran minyak sawit di peringkat global adalah secara sihat.

Seterusnya, peraturan dan akta untuk pensijilan minyak sawit secara mampan harus dikuatkuasakan. Setiap pemain industri sawit negara harus memainkan peranan dalam mematuhi peraturan yang ditetapkan. Hal ini membolehkan jaminan tiada penyahhutanan dan ILUC yang menjadi agenda MEP, bukan lagi suatu cabaran.

Langkah tersebut kini giat diperkasa oleh Kementerian Industri Utama (MPI) dengan menasaskan 5.8 juta hektar kawasan tanaman sawit di Malaysia wajib memiliki pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) menjelang akhir 2019.

Menterinya, Teresa Kok, berkata sehingga Jun 2018, sejumlah 1.017 juta hektar kawasan tanaman sawit di Malaysia mendapat pensijilan MSPO iaitu peningkatan ketara berbanding 758,923 pada Februari lalu.

Bagaimanapun, MPI dan pemain industri sawit harus peka agar segala perihail pensijilan harus dikemaskini dari semasa ke semasa demi menjamin minyak sawit Malaysia terus relevan dan mampu berdaya saing di peringkat antarabangsa, bukan setakat 'jaguh kampung' sahaja.

Aktiviti promosi manfaat minyak sawit dan jalinan kolaborasi sesama pemain industri sawit harus dianjak secara maksimum. Platform seperti persidangan minyak sawit di dalam dan luar negara, forum serta sesi dialog antara pemain industri minyak sawit di peringkat antarabangsa perlu digunakan secara menyeluruh demi menangani sentimen anti sawit global.

Majalah Industri Sawit Malaysia Unggul di Pasaran Antarabangsa.

## PERADUAN MENGARANG ESEI BERITA SAWIT BULAN NOVEMBER 2018

Peraduan ini terbahagi kepada dua kategori iaitu pelajar sekolah menengah dan awam di seluruh negara. Karangan adalah mengenai industri sawit negara dan antarabangsa dan ditulis tangan berpandukan tajuk yang diberikan di bawah:

**Kategori 1:**  
Pelajar Sekolah Menengah (Tingkatan 1 hingga 5)  
**Tajuk:** 'Promosi minyak sawit bantu peningkatan penggunaannya. Bincangkan'.

Tiga pemenang utama setiap kategori akan menerima;  
 ◎ Hadiah Pertama: **RM250**  
 ◎ Hadiah Kedua: **RM200**  
 ◎ Hadiah Ketiga: **RM150**

**Kategori 2:** Awam  
**Tajuk:** 'Penggunaan minyak sawit dalam pelbagai aplikasi, mampu tingkat produktiviti. Bincangkan'.

Esei yang berjaya mendapat tempat pertama akan disiarkan dalam *Berita Sawit* keluaran bulan DISEMBER 2018.

## Keputusan Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Bulan Oktober 2018

**PEMENANG KATEGORI 1**  
Pelajar Sekolah Menengah

**Hadih Pertama**  
Che Wan Muhammad Haziq Che Wan Sabri  
SMA (Atas) Sultan Zainal Abidin  
Kuala Terengganu

**Hadih Kedua**  
Tiada Pemenang

**Hadih Ketiga**  
Tiada pemenang

**PEMENANG KATEGORI 2**  
Awam

**Hadih Pertama**  
Arif Hadri Japri  
Kajang, Selangor

**Hadih Kedua**  
Norzihan Mohamed Yin  
Shah Alam, Selangor

**Hadih Ketiga**  
Nafisah Mohd Khari  
Kuala Nerang, Kedah

## Syarat Penyertaan

- ◎ **Kategori 1:** Terbuka kepada pelajar sekolah menengah Tingkatan 1 hingga 5.
- ◎ **Kategori 2:** Terbuka kepada dewasa berusia 18 tahun ke atas.
- ◎ Bukan kakitangan MPOB.
- ◎ Panjang esei antara 500 - 700 patah kata.
- ◎ Sila nyatakan nama penuh, alamat sekolah (Kategori 1 sahaja), alamat rumah, nombor kad pengenalan, nombor akaun bank dan sertakan sekeping gambar ukuran pasport.
- ◎ Keputusan juri adalah muktamad.
- ◎ Tarikh tutup penyertaan pada 22 November 2018.
- ◎ Hantarkan penyertaan ke alamat:  
**Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Ibu Pejabat MPOB, 6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor u/p: Noor Asmawati Abdul Samad (Unit Komunikasi Korporat)**  
Email: watie@mpob.gov.my



**Menteri Industri Utama, Teresa Kok** melancarkan pengguna B20 oleh kenderaan milik Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) dengan kerjasama MPOB di Kajang, Selangor.



**Menteri Industri Utama, Teresa Kok** bersama ahli Spanish Alliance of Palm Oil dan Spanish Biodiesel Association di Madrid, Sepanyol.



**Datuk Dr Ahmad Kushairi Din** mempengerusikan menyuarat jawatankuasa teknikal mengenai isu peraturan alam sekitar di Ibu Pejabat MPOB, Bangi, Selangor.



**Pengurus Mega Jutamas Sdn Bhd, Joseph Ng** (dua dari kanan) menerima Anugerah Industri Sawit 2017/2018 bagi Kategori Tapak Semaian Sawit Komersial Terbaik daripada Datuk Seri Shamsul Iskandar Mohd Akin sempena majlis perasmian seminar Labour And Mechanisation in Plantation (LAMP) di Ayer Keroh, Melaka.



**Delegasi Kesatuan Eropah** mendengar penerangan mengenai buah sawit ketika lawatan ke ladang Felda Serting di Negeri Sembilan.